

|                    |                             |                     |                          |
|--------------------|-----------------------------|---------------------|--------------------------|
| <b>Headline</b>    | <b>Hamil bukan halangan</b> | <b>Language</b>     | <b>MALAY</b>             |
| <b>Date</b>        | <b>07. Jul 2008</b>         | <b>Page No</b>      | <b>24</b>                |
| <b>Media Title</b> | <b>Harian Metro</b>         | <b>Article Size</b> | <b>96 cm<sup>2</sup></b> |
| <b>Section</b>     | <b>Setempat</b>             | <b>Frequency</b>    | <b>Daily</b>             |
| <b>Circulation</b> | <b>336603</b>               | <b>Color</b>        | <b>Full Color</b>        |
| <b>Readership</b>  | <b>2192000</b>              |                     |                          |



## Hamil bukan halangan

**S**ERDANG: Seorang ibu hamil dan pasangan kembar dari Iran antara 471 pelajar asing yang mendaftar sebagai pelajar baru bagi sesi pengajian 2008/2009 di Universiti Putra Malaysia (UPM), di sini, Jumaat lalu.

Maryam Jahedi, 36, yang mengikuti program doktor falsafah (PhD) dalam jurusan Linguistik Bahasa Inggeris berkata, walaupun hamil enam bulan, ia bukan halangan untuknya belajar di UPM.

Katanya, dia memilih UPM kerana status institusi pengajian tinggi itu sebagai universiti penyelelidikan yang terkenal di Iran.

"Saya membuat keputusan belajar di Malaysia ketika melancang ke negara ini dua tahun lalu kerana kagum dengan keramahan masyarakat di sini selain bersih serta cantik," katanya.

Pasangan kembar, Mohammad Khosroviani dan Ali Khosroviani, 23, memilih untuk mengikuti kursus Pentadbiran Perniagaan kerana mempunyai cita-cita yang sama dalam bidang pengurusan.

"Kami memilih untuk belajar di sini kerana Graduate School of Management (GSM) di UPM dikenali di Iran dan status Islam sebagai agama rasmi di Malaysia bersesuaian dengan cara hidup kami," kata mereka yang juga rakan senegara Maryam.

Pelajar dari Chennai, India, Rajagopalan Prabu, 27, berkata dia memilih UPM kerana kepakaran universiti itu dalam bidang 'biotech' menarik minatnya untuk menyambung pengajian di peringkat PhD.